

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURURAWAT MASYARAKAT**

|                              |          |   |
|------------------------------|----------|---|
| <b>KLASIFIKASI</b>           | <b>:</b> | <b>PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN</b> |
| <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b> | <b>:</b> | <b>PELAKSANA</b>                            |
| <b>GREED JAWATAN/GAJI</b>    | <b>:</b> | <b>U19, U24, U26</b>                        |
| <b>TARIKH KUAT KUASA</b>     | <b>:</b> | <b>1 NOVEMBER 2013</b>                      |

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - warganegara Malaysia;
    - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
      - tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Jururawat Masyarakat yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U19:RM1,284.27).
  - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  - Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; dan
    - had umur pelantikan:
      - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
      - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
      - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
  - Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
  - Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

**TEMPOH PERCUBAAN**

**LATIHAN**

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U26**

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN JURURAWAT GRED U29**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Jururawat Masyarakat Gred U19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U24 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Jururawat Masyarakat Gred U24 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U26 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Jururawat Masyarakat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat yang berkuat kuasa pada 1.1.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2008).